

04 AUG 1997

Mahathir-Penerbangan

DR MAHATHIR RASMI KONVENSYEN DAN PAMERAN FLY-IN LANGKAWI

LANGKAWI, 4 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini merasmikan Konvensyen dan Pameran Oshkosh East Fly-In Langkawi 1997 di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri di sini yang bermatlamat menanam minat golongan muda dalam bidang penerbangan.

Sebaik sahaja ucapan perasmian oleh Perdana Menteri, sebuah kapal terbang kawalan jauh yang dikendalikan oleh Muhammad Yusof Haji Hassan terbang masuk ke kawasan pusat pameran itu.

Muhammad Yusof telah mencipta rekod negara semalam apabila berjaya menerbangkan model kapal terbang kawalan jauh itu dari Pulau Pinang ke Pulau Bidan di perairan Kedah dalam masa satu jam lapan minit meliputi jarak 37 km. Beliau mengawal kapal terbang jarak jauh itu dengan mengekorinya menggunakan bot laju.

Tiga kapal terbang kawalan jauh mengiringi kapal terbang Yusof semasa terbang masuk dan ia dikendalikan oleh peserta bertaraf antarabangsa seperti G.Narokea dari Jepun, seorang juara dunia dalam sukan itu.

Acara itu kemudian diikuti dengan pertunjukkan payung terjun oleh sekumpulan penerjun dari Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan sebuah kelab penerbangan dari Wilayah Persekutuan.

Dr Mahathir kemudian melepaskan 30 pelajar Kadet Udara Langkawi dari Kelab Rekreasi Udara Langkawi (KRUL) untuk memulakan penerbangan di bawah program "young eagles joy ride" sempena acara itu.

Sebelum itu, sebaik sahaja ketibaan Perdana Menteri yang disambut dengan paluan kumpulan kompang ia disusuli dengan penerbangan masuk pesawat terbang ringan yang menyertai "The Great Malaysian Air Rally".

Perdana Menteri kemudian menaiki pesawat Cessna milik kelab Penerbangan Kedah yang dipandu oleh Kapt Tarmizi Ramli mengelilingi kawasan Padang Mat Sirat.

Dr Mahathir kemudian dengan diiringi Sanusi, Muhyiddin dan Datuk Radzi Manan yang merupakan Pengerusi Eksekutif Le Proton Lima Sdn Bhd, penganjur acara itu, melawat pameran industri penerbangan di situ.

Konvensyen dan pameran selama lima hari itu akan dipenuhi dengan pelbagai program termasuk majlis forum mengenai industri penerbangan, tayangan gambar dan pertandingan seperti pesawat terbang kawalan jauh dan penerjunan.

Fly in '97 merupakan tapak memperkenalkan industri penerbangan pesawat-pesawat ringan dan mikrolight di negara ini.

Antara pesawat yang akan dipamerkan ialah pesawat jenis Cessna, Merlin GT, Zodiac, Piper Seneca 1 dan Eagle X-TS buatan Malaysia dengan komponennya dikeluarkan di Melaka dan dipasang di Australia.

Kira-kira 2,700 pelajar dari 100 sekolah di Kedah akan menyertai lawatan sambil belajar untuk melihat dan mempelajari industri penerbangan sepanjang acara itu diadakan. -- BERNAMA

NH PR